

**BN Mampu Rampas Semula Kedah - Dr Mahathir
Bernama
20 April, 2013**

JITRA, 20 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melihat Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang yang cerah untuk mengambil alih semula Kedah daripada pakatan pembangkang.

Beliau berkata sokongan rakyat terhadap BN di negeri ini kini sudah kembali seperti sediakala dan diharap ia akan diterjemahkan dalam pilihan raya umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei ini.

"Saya dapati hari ini ramai penyokong datang, cukup bersemangat macam BN dulu-dulu, ini bermakna waktu mengundi nanti kehadiran pengundi untuk Kedah nampak baik, ada peluang," katanya ketika ditemui pemberita di pusat penamaan calon kawasan Parlimen Jerlun di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, dekat sini Sabtu.

Anak beliau, Datuk Mukhriz bertanding sebagai calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Ayer Hitam di bawah kawasan Parlimen Jerlun.

Ditanya mengenai Mukhriz yang kali ini bertanding kerusi DUN selepas pada PRU 2008 bertanding kerusi Parlimen Jerlun, Dr Mahathir berkata peluang beliau cerah tetapi menyerahkannya kepada pengundi.

Dr Mahathir meminta penyokong BN menyokong sesiapa sahaja yang dicalonkan sebagai calon BN dan mengetepikan soal kepentingan individu.

Beliau turut menasihatkan individu yang tidak tercalon supaya tidak melakukan sesuatu yang tidak disukai orang lain sebaliknya harus membantu memenangkan calon yang dipilih parti.

"Saya kempen untuk semua, akan tolong kalau bermusuh pun, akan kempen bagi dia...saya utamakan parti, bukan individu, kalau individu tak boleh jadi kerajaan pun," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943736>